

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

11. Adakah apa rancangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penempatan semula bagi Ladang Caledonia dan Ladang Victoria?
- (a) Sekiranya ada minta beri maklumat terkini, berapa penghuni di Ladang Caledonia dan Ladang Victoria terbabit.
 - (b) Jangkaan masa untuk memulakan?
 - (c) Sekiranya ada di manakah tapak baru akan dirancang?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang merancang Projek Pembangunan Perumahan di Ladang Caledonia dan Ladang Victoria, dan kos pembangunan projek ini akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya. Bagi cadangan pembangunan perumahan di Ladang Caledonia ianya melibatkan pembinaan 136 unit rumah kluster 1 tingkat, sebuah pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pencawang elektrik padat di atas tanah Lot 1534, Mukim 11, Seberang Perai Selatan (SPS) seluas 15.106 ekar.

Manakala, bagi cadangan pembangunan perumahan di Ladang Victoria ianya melibatkan pembinaan 30 unit rumah teres dan teres kluster 1 tingkat, pusat pungutan sampah, dewan serbaguna, pejabat pengurusan dan pencawang TNB di atas tanah Lot 5755-5766 & Lot 5844-5855, Mukim 11, SPS seluas 1.6

ekar.

- (a) Berdasarkan bancian Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan (sehingga 22 September 2016) di Ladang Caledonia, terdapat seramai 324 orang mendiami 80 buah rumah. Manakala bancian di Kampung Ladang Victoria pula (sehingga 26 Jun 2018) mendapati seramai 107 orang mendiami 29 buah rumah. Pembinaan perumahan ini didapati mencukupi untuk menampung jumlah keluarga asal yang terlibat memandangkan Kerajaan Negeri telah membina rumah gantian yang melebihi jumlah rumah yang sedia ada.
- (b) Projek pembangunan di Ladang Caledonia dijangka akan dimulakan pada tahun 2019 manakala pembangunan di Ladang Victoria akan dilaksanakan setelah semua penduduk sedia ada berpindah dari tapak berkenaan.
- (c) Pembangunan projek ini dilaksanakan di atas tapak sedia ada.